

## Pemahaman Puisi Moden : Sajak *Di Kota Kecilku*

Mata Pelajaran	:	Bahasa Melayu
Tingkatan	:	5
Topik	:	Pemahaman Puisi Moden
Tajuk	:	Sajak <i>Di Kota Kecilku</i>
Masa	:	60 minit
Hasil Pembelajaran (Objektif)	:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, diberi bahan rangsangan, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none"><li>mendeklamasikan puisi dengan baik</li><li>memahami unsur moral terhadap nilai dan pengajaran yang terdapat dalam puisi</li><li>mengupayajelaskan nilai-nilai dan pengajaran yang terdapat dalam puisi</li></ol>
Strategi Pengajaran	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Direktif – penerangan, perbincangan dan menjawab soalan</li><li>Koperatif – Kerja kumpulan</li></ol>
Penyerapan Ilmu	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Sastera</li><li>Pendidikan Moral</li></ol>
Penerapan Nilai	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Bekerjasama</li><li>Kasih sayang</li><li>Cekal</li><li>Mengenang jasa</li><li>Hormat-menghormati</li><li>Kerajinan</li></ol>
Kemahiran Generik KBKK	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Menyelesaikan masalah</li><li>Membuat penilaian</li><li>Membuat perkaitan</li><li>Mengeluarkan idea</li><li>Mengaplikasi</li></ol>
Kecerdasan Pelbagai	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Kecerdasan berbahasa</li><li>Kecerdasan interpersonal</li><li>Kecerdasan intrapersonal</li><li>Kecerdasan imaginasi/Ruang</li><li>Kecerdasan kinestatik</li></ol>
Media Pengajaran	:	<ol style="list-style-type: none"><li>Pita rakaman</li><li>Radio</li><li>Teks sajak</li><li>Lembaran Pengurusan Grafik</li><li>Kertas Latihan</li></ol>
Pengetahuan Sedia Ada	:	Pelajar telah mempelajari konsep tema dan persoalan, nilai dan pengajaran serta gaya bahasa dalam sajak-sajak yang terdahulu.

Langkah/Masa (Peristiwa Pengajaran)	Isi Pelajaran	Aktiviti P&P		Media Pengajaran	Kemahiran Generik
		Guru	Pelajar		
Set Induksi (10 minit) (Menarik Perhatian) (Menyampaikan Objektif)	Rakaman deklamasi sajak <i>Di Kota Kecilku</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru memperdengarkan rakaman deklamasi sajak Di Kota Kecilku kepada pelajar.</li> <li>2. Guru memilih seorang pelajar untuk mendeklamasikan sajak.</li> <li>3. Guru mengaitkan sajak tersebut dengan topik pembelajaran hari ini.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar mendengar rakaman deklamasi sajak dengan teliti.</li> <li>2. Pelajar yang terpilih mendeklamasikan sajak dengan gaya tersendiri.</li> </ol>	Pita rakaman Radio	<i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Berbahasa Intrapersonal

<p>Langkah 1 (15 minit)</p> <p>(Menyediakan Bimbingan)</p> <p>(Menyediakan Maklum Balas)</p>	<p>Perbincangan tentang tema dan persoalan dalam sajak</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru bersoal jawab dengan para pelajar tentang tema dan persoalan yang terkandung dalam sajak.</li> <li>2. Guru memberikan ulasan berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelajar.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Para pelajar menilai sajak tersebut dan memberikan pendapat masing-masing.</li> <li>2. Para pelajar mendengar pendapat serta ulasan yang diberikan oleh guru.</li> </ol>	<p>Teks Sajak <i>Di Kota Kecilku</i> (Lampiran 1)</p>	<p><b>KBKK:</b> Mengeluarkan idea Membuat penilaian</p> <p><b>Kecerdasan Pelbagai:</b> Berbahasa Intrapersonal Imaginasi/Ruang</p>
--	--	---	--	---	--

<p>Langkah 2 (20 minit)  (Menyampaikan Bahan Rangsangan)</p>	<p>Kerja Berkumpulan – Nilai dan Pengajaran dalam sajak</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.</li> <li>2. Guru mengedarkan lembaran pengurusan grafik kepada setiap kumpulan.</li> <li>3. Guru meminta setiap kumpulan mencari nilai dan pengajaran yang terkandung dalam sajak.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar memasuki kumpulan masing-masing.</li> <li>2. Setiap kumpulan menerima kertas edaran.</li> <li>3. Para pelajar berbincang dalam kumpulan masing-masing untuk mencari jawapan yang sesuai.</li> </ol>	<p>Lembaran Pengurusan Grafik (Lampiran 2)</p>	<p><i>KBKK:</i> Menyelesaikan masalah Membuat penilaian Membuat perkaitan Mengeluarkan idea</p> <p><i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Berbahasa Interpersonal Imaginasi/Ruang</p> <p><i>Nilai:</i> Bekerjasama Kasih sayang Cekal Mengenang jasa Hormat-menghormati</p>
--	---	---	---	--	--

<p>Langkah 3 (10 minit)</p> <p>(Menilai Pencapaian)</p> <p>(Menyediakan Maklum Balas)</p>	<p>Penyampaian Hasil Kerja</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta setiap kumpulan menyampaikan hasil kerja masing-masing.</li> <li>2. Guru mengulas hasil kerja setiap kumpulan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wakil daripada setiap kumpulan menyampaikan hasil perbincangan.</li> <li>2. Pelajar mendengar ulasan yang diberikan oleh guru.</li> </ol>		<p><i>Kecerdasan Pelbagai:</i> Berbahasa Interpersonal</p>
<p>Penutup (5 minit)</p> <p>(Pengukuhan)</p>	<p>Latihan Pengukuhan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru mengedarkan kertas latihan untuk disiapkan oleh pelajar di rumah.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar menerima kertas latihan.</li> </ol>	<p>Kertas latihan (Lampiran 3)</p>	<p><i>KBKK:</i> Mengaplikasi</p> <p><i>Nilai:</i> Kerajinan</p>